

27/08/1998

Kebebasan bersuara disalahgunakan

SESUATU peristiwa atau isu yang dipaparkan menerusi sesetengah media atau majalah asing biasanya penuh dengan persoalan. Ada kalanya pengaliran maklumat dibuat begitu lancar, seolah-olah tiada tapisan dilakukan manakala bagi isu atau kepentingan yang lain pula, maklumat yang disampaikan kabur dan mengelirukan. Semua ini berlaku apabila media asing mula menentukan agendanya, terutama kepada pihak atau negara yang ingin dijadikan mangsa percaturan.

Teguran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap majalah asing yang menuduh kelemahan pentadbiran kerajaan di Asia Timur sebagai punca kegawatan ekonomi, mempunyai bukti yang kukuh. Ini menunjukkan media asing bukan saja boleh mencipta maklumat palsu, malah mereka mahu memesonkan pandangan dunia. Ini jelas dibuktikan dalam kejadian pengeboman di kilang ubat El Shifa yang disyaki membuat gas beracun di Khartoum, Sudan dan kem latihan pengikut satu kumpulan Islam di Khost, Afghanistan, baru-baru ini.

Laporan yang mengatakan contoh tanah yang diambil dari kilang El Shifa yang dikatakan mempunyai kesan komponen senjata kimia sedangkan kawasan terbabit adalah bersimen dan konkrit, adalah jelas satu pembohongan. Maklumat seperti ini apabila dihebahkan ke seluruh dunia akan menguatkan tanggapan seolah-olah kilang benar-benar mengeluarkan gas beracun.

Apakah ini kebebasan bersuara yang dimaksudkan oleh negara kuasa besar seperti Amerika Syarikat. Kebebasan bersuara mengikut takrifan mereka langsung tidak mengambil kira kepentingan negara yang menjadi mangsa.

Tindakan memburuk-burukkan negara sasaran adalah sesuatu yang disengajakan kerana kuasa menguasai aliran berita antarabangsa, terletak di tangan mereka. Ia adalah satu bentuk penjajahan dan imperialisme budaya. Negara-negara ketiga nampaknya hanya mampu memperdebatkan persoalan ini tetapi tidak dapat menanganinya. Masalah ini akan terus dihadapi dari semasa ke semasa.

Dunia mungkin mempunyai Orde Baru Maklumat Dunia, tetapi apakah ia perlu selama-lamanya sebagai satu kawalan atau ancaman kepada negara yang lemah. Melihat kepada bentuk penyaluran maklumat yang diterima oleh negara ketiga dari negara kuasa besar, ia lebih berbentuk ancaman kepada kedaulatan nasional akibat penggunaan pelbagai teknologi komunikasi dan saluran berita antarabangsa negara Barat. Ia juga adalah ancaman imperialisme budaya yang digambarkan menerusi pengeksportan penerbitan, filem dan televisyen Amerika Syarikat di samping ancaman berat sebelah agensi berita Barat dalam menyalurkan maklumat mengenai hal ehwal luar negara.

Cara penyaluran maklumat dari Barat begitu membimbangkan kerana ia mampu mengubah sikap ramai penduduk dunia supaya mengagung-agungkan negara Dunia Pertama menerusi percaturan mereka dalam soal keamanan dan keselamatan, perlumbaan senjata dan hubungan diplomasi terutama antara negara Dunia Pertama-Dunia Ketiga. Mereka digambarkan sebagai golongan yang bercakap benar dan berniat baik sedangkan niat mereka sebenarnya adalah untuk memusnah negara yang dianggap memusuhi mereka.

Tidak hairan negara Dunia Ketiga dan negara Islam sering digambarkan dengan begitu negatif sekali. Negara ini dikaitkan dengan keadaan politik yang tidak stabil dan rakyatnya sering ditonjolkan sebagai masyarakat yang tidak berpuas hati dengan pelbagai sistem yang wujud, sering berlaku pemberontakan, serangan pengganas dan sebagainya. Imej yang mereka tonjolkan ini membentuk paten berat sebelah kuasa besar.

Kebimbangan negara Dunia Ketiga yang membantah paten pengaliran berita ini berasaskan kepada dua dimensi. Pertama, potensi kesan buruk membabitkan usaha pembangunan dan pengaruh budaya. Sebahagian besar maklumat yang disebarikan lebih bercirikan krisis, saingan, konfrontasi, konflik dan super-sensasi.

Kedua, ketidakseimbangan liputan berita antara negara maju dan kurang maju yang lebih mengagungkan kebaikan negara perindustrian. Ini adalah satu bentuk dominasi budaya terhadap negara membangun oleh negara industri. Negara maju sepatutnya membantu membebaskan ikatan penjajah dalam konteks maklumat, dengan mengambil pendekatan lebih objektif terhadap aspirasi dan keseimbangan negara membangun.

Pada masa yang sama ia perlu mengelak menyalurkan berita yang membangkitkan kebencian atau perkauman, agama, politik atau apa saja bentuk pilih kasih yang boleh membawa kepada salah tafsir, putar-belit atau menunjukkan tidak senang sebarang langkah yang diambil oleh negara membangun. Negara maju sepatutnya membantu mewujudkan keseimbangan dalam aliran maklumat dengan memberi lebih banyak ruang di media mengenai berita negara membangun.

(END)